

**ARAHAN PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2008**

**PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2008**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pertubuhan Peladang (PP) mengenai Pindaan-Pindaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 yang dinamakan **PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2008** yang telah diluluskan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asastani (Menteri) dan diwartakan.
- 1.2. Semua PP hendaklah membuat pindaan kepada Perlembagaan PP dan Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli yang mana berkenaan supaya selaras dengan Pindaan ini.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Kali terakhir Peraturan-Peraturan PP 1983 dipinda ialah pada 22 Ogos 1990, yang memperjelaskan kuasa-kuasa Menteri Pertanian Sarawak khusus bagi PP di Negeri Sarawak.
- 2.2. Peraturan-Peraturan PP (Pindaan) 2008 ini telah diluluskan oleh Menteri pada 23 April 2008 yang mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2008.

### 3. PERATURAN-PERATURAN PP (PINDAAN) 2008

3.1 Pindaan ini khusus mengenai:-

- a. Pemansuhan Yuran Tahunan Ahli bagi PPK dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan dengan pemansuhan tersebut iaitu **peraturan 30(I), (II) dan (III)**,
- b. Pindaan bilangan kuorum Mesyuarat Agung Unit daripada  $\frac{1}{2}$  ahli yang layak kepada 15 orang iaitu **Peraturan 39(3)**.  
(seperti di Lampiran A).

3.2. Sebelum pindaan ini diluluskan oleh Menteri, beberapa kajian telah dibuat oleh Pendaftar ke atas PPK-PPK di beberapa buah Negeri dan mendapati bahawa yuran tahunan ahli tertunggak yang menjadi tanggungan kepada PPK adalah disebabkan oleh :-

- (a) Ahli yang meninggal dunia yang tidak diganti.
- (b) Ahli yang berpindah tempat tinggal yang gagal dihubungi oleh PP.
- (c) Ahli yang telah lama tidak mempunyai apa-apa aktiviti dan urusan dengan PP yang sememangnya tidak mahu lagi meneruskan keahlian.

3.3 Isu yuran tertunggak tersebut menimbulkan persoalan berikut :-

- (a) Kelayakan ahli untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Unit.

- (b) Kelayakan ahli untuk menerima bantuan atau sumbangan daripada Kumpulan-kumpulan wang Kebajikan, Pendidikan dan Pemajuan.
  - (c) Terdapat syor-syor daripada ahli-ahli dan Ahli Jemaah Pengarah PPK yang berhasrat memecat ahli yang tidak membayar yuran tahunan 2 tahun berturut-turut yang akan menyebabkan lebih separuh daripada ahli PP akan terhenti keahliannya.
- 3.4 Setelah beberapa siri mesyuarat dan perbincangan dijalankan didapati adalah lebih baik bagi PPK memansuhkan yuran tahunan, di samping mengurangkan kuorum mesyuarat agung unit dari  $\frac{1}{2}$  yang layak kepada minimum 15 orang supaya pentadbiran mesyuarat agung unit lebih berkesan.
- 3.5 Pindaan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mempermudah prosedur dan proses kelayakan ahli-ahli untuk menyertai PP dan menikmati perkhidmatan PP secara berterusan.
- 3.6 Dengan pindaan ini, isu kegagalan Mesyuarat Agung Tahunan Unit Ahli akibat kuorum yang tidak mencukupi dapat diselesaikan.

#### **4. PUNCA KUASA**

Punca kuasa Menteri Pertanian Industri Asas Tani yang meluluskan pindaan ini ialah Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 manakala Punca Kuasa Pendaftar mengeluarkan Arahan ini ialah Peraturan 85 – Peraturan-Peraturan PP 1983 (Pindaan) 2008.

5. **TARIKH KUATKUASA**

Arahan ini mula berkuatkuasa pada **Satu Haribulan Jun Tahun Dua Ribu Lapan.**

**(DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN HAJI AHMAD)**  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang.

## **AKTA PERTUBUHAN PELADANG 1973**

### **PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang [Akta 109], Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan 2008)**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2008.

#### **Pemotongan peraturan 30**

2. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 [*P.U.(A) 303/1983*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memotong peraturan 30.

#### **Pemotongan peraturan 31**

3. Subperaturan 31(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perenggan (c).

#### **Pindaan peraturan 39**

4. Peraturan 39 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan berikut:

“(3) Kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan suatu unit ahli hendaklah tidak kurang daripada lima belas orang dan bagi Pertubuhan Peladang hendaklah tidak kurang daripada setengah daripada jumlah ahli-ahli yang layak mengundi.”.

Dibuat        8 April        2008  
[LPP(U)20/2 Jld.2(17); PN(PU<sup>2</sup>)133/III]

t.t.

DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI AHMAD  
Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang

Diluluskan    23 April        2008  
[KP/LA/483/8; PN(PU<sup>2</sup>)133/III]

t.t.

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

## **FARMERS' ORGANIZATION ACT 1973**

### **FARMERS' ORGANIZATION REGULATIONS (AMENDMENT) 2008**

IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Farmers' Organization Act 1973 [*Act 109*], the Farmers' Organization Authority, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Farmers' Organization Regulations (Amendment) 2008**.

(2) These Regulations come into operation on 1<sup>st</sup> June 2008.

#### **Deletion of regulation 30**

2. The Farmers' Organization Regulations 1983 [*P.U.(A) 303/1983*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended by deleting regulation 30.

#### **Deletion of regulation 31**

3. Subregulation 31(1) of the principal Regulations is amended by deleting paragraph (c).

#### **Deletion of regulation 39**

4. Regulation 39 of the principal Regulations is amended by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) The quorum for an Annual General Meeting of a member-unit shall be not less than fifteen and for Farmers’ Organization shall be not less than half of the members who are eligible to vote.”

Made            8 April            2008  
[LPP(U)20/2 Jld.2(17); PN(PU<sup>2</sup>)133/III]

t.t.

DATO HAJI ABDUL RAHIM BIN HAJI AHMAD  
Director General  
Farmers’ Organization Authority

Approved    23 April            2008  
[KP/LA/483/8; PN(PU<sup>2</sup>)133/III]

t.t.

DATO’ MUSTAPA BIN MOHAMED  
Minister of Agriculture and Agro-Based Industry



Pindaan kepada Perlembagaan berikutan dengan Pemansuhan Peraturan 30(1), (2) dan (3), 31(1)(c) dan Pindaan Peraturan 39(3), Peraturan-Peraturan PP 1983 oleh Peraturan-Peraturan PP (Pindaan) 2008

- |                      |   |  |
|----------------------|---|--|
| Perkara 28           | - | dimansuhkan  |
| 29(i) (ii) dan (iii) | - | dimansuhkan  |
| 30                   | - | dimansuhkan  |
| 48(vi)               | - | dipinda seperti berikut<br>'Cuai menjalankan tanggungjawab seperti membayar modal sahamnya, tidak menjelaskan pinjaman dan lain-lain tanggungjawabnya kepada PP' |

**Pindaan Kepada Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK**

Pindaan kepada Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK akibat kuatkuasanya Peraturan-Peraturan PP (Pindaan) 2008

Kaedah 15(i) Pindaan - 'Kuorum bagi Mesyuarat Agung hendaklah tidak kurang daripada 15 orang jumlah ahli yang layak'.

## PINDAAN PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG 1983

( Khusus bagi memansuhkan Yuran Tahunan Dan Mengurangkan Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Unit Ahli Bagi Pertubuhan Peladang)

No.	Peruntukan Peraturan Sekarang	Cadangan Pindaan	Justifikasi
1	<p>30. (1) Seseorang ahli dan unit-ahli hendaklah disifatkan sebagai digantung dan adalah terlucut hak segala kuasa dan keistimewaannya jika dia atau ia ingkar membayar yuran tahunannya yang ditetapkan pada tarikh yang yuran itu kena dibayar.</p> <p>(2) Seseorang yang mungkir boleh diterima-masuk semula apabila dia telah menjelaskan yuran tahunannya bagi tahun tersebut tetapi tidaklah berhak untuk menjalankan atau menuntut hak untuk menjalankan apa-apa kuasa dan keistimewaan yang hilang semasa tempoh penggantungan itu.</p> <p>(3) Walau apa pun subperaturan (1), tiada Wakil pengarah boleh digantungkan dari memegang jawatan atau dari menjalankan kuasa-kuasa jawatan tersebut oleh kerana kegagalan unit-ahli untuk membayar satu yuran tahunan.</p>	Peraturan 30(1),(2) dan (3) dipotong	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memudahkan individu menjadi ahli PP secara berterusan tanpa sekatan melalui syarat membayar yuran tahunan</li> <li>- Memudahkan tugas menentukan kelayakan ahli untuk tujuan mengira kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang.</li> <li>- Pemansuhan pembayaran Yuran tahunan sesuai dilaksanakan dan telah menjadi amalan dalam gerakan Koperasi dan beberapa Persatuan.</li> <li>- Kesetian ahli harus diukur melalui transaksi aktiviti ahli dan PPK, bukan dengan hanya membayar yuran tahunan.</li> </ul> <p>Dengan memansuhkan Peraturan ini, banyak isu mengenai kelayakan keahlian dapat diselesaikan</p>

2	<p>31. (1) Seseorang atau sesuatu badan hendaklah berhenti menjadi ahli atau unit-ahli Pertubuhan Peladang—</p> <p>(c) jika dia tidak membayar yuran tahunan selama dua tahun berturut-turut atau ada tunggakan yuran tahunan berjumlah dua yuran tahunan;</p>	Perenggan (c), Peraturan 31(1) di potong	Apabila Peraturan 30 di mansuhkan, terma ' tidak membayar yuran tahunan' sudah tidak relevan lagi.
3	<p>Peraturan 39</p> <p>(3) Kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan suatu unit-ahli atau Pertubuhan Peladang hendaklah tidak kurang daripada setengah dari jumlah ahli-ahli yang layak mengundi.</p>	<p>Peraturan 39</p> <p>(3) Kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan suatu unit-ahli <b>hendaklah tidak kurang daripada lima belas orang dan bagi</b> Pertubuhan Peladang hendaklah tidak kurang daripada setengah dari jumlah ahli-ahli yang layak mengundi.</p>	- Pindaan ini dapat memudahkan pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Unit Ahli kerana kuorum yang kecil mudah dipenuhi tanpa perlu menanggung mesyuarat bagi kali ke dua serta mengelakkan tambahan kos .

## AMMENDMENTS TO FARMERS ORGANIZATION REGULATIONS 1983

(Specifically to repeal the annual subscription and to reduce the quorum of Unit Member General Meetings of Farmers' Organization )

No.	Existing Provisions	Ammendment Proposals	Justification
1	<p>Regulation 30</p> <p>(1) A member or unit member shall be deemed to be suspended and shall forfeit all his or its powers and privileges if he or it defaults in paying his or its annual subscription determined on the date that the subscription falls due.</p> <p>(2) A defaulter shall be readmitted upon settlement of his annual subscription for that year but shall not be entitled to exercise or claim the right to exercise any power and privileges lost during the period of suspension</p> <p>(3) Notwithstanding sub-regulation (1), no Representative or director shall be suspended from holding office or from exercising the power of that office by reason of his membe- unit's to pay its annual subscription</p>	<p>All Regulations 30 and its Subregulations (1), (2) and (3) are deleted.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- To facilitate individuals to become members continuously without hindrance by the condition to pay annual subscription.</li> <li>- To ease the task of determining who are the members eligible to vote for the quorum in the Annual General Meeting .</li> <li>- The repeal of these Regulations suits the practice in Cooperative movement and in some societies</li> <li>- The .. should be measured through transactions made by members the FO not only by number of members who pay the annual subscription.</li> </ul> <p>Dengan memansuhkan Peraturan ini, banyak isu mengenai</p>

2	<p>Regulations 31</p> <p>(1) A person or body shall cease to be a member or member- unit of a Farmers' Organization -</p> <p>(c) if he fails to pay the annual subscription for two consecutive years or in arrears of annual subscriptions totalling in two annual subscription:</p>	<p>Paragraph (c) of Subregulation (1), Regulations 31 is deleted</p>	<p>When Regulations 30 is deleted, Paragraph (c) of Subregulation (1), Regulations 31 is not relevent anymore.</p>
3	<p>Regulations 39</p> <p>(3) The quorum for an Annual General Meeting of a member-unit or Farmers' Organization shall not be less than half of the member who are eligible to vote.</p>	<p>Regulations 39</p> <p>(3) The quorum for an Annual General Meeting of a member-unit <b>shall be not less than fifteen and for</b> or Farmers' Organization shall not be less than half of the member who are eligible to vote.</p>	<p>- This ammendment will ease the task of handling member-units' General Meeting due to lack of quorum and the difficulties and also the extra cost in holding the second Annual General Meeting.</p>
4	<p>Regulations 40</p> <p>(3) The quorum of an Extra-Ordinary Meeting shall be not less than half of the member who are eligible to vote.</p>	<p>Regulations 40</p> <p>(3) The quorum of an Extra-Ordinary Meeting <b>of a unit member shall be not less than fifteen and for Farmers' Organization</b> shall be not less than half of the member who are eligible to vote.</p>	<p>- This ammendment will ease the task of handling member-units' Extra-Ordinary Meeting due to lack of quorum and the difficulties and extra cost in holding the second Annual General Meeting.</p>